

PENGARUH MUZIK DI KALANGAN REMAJA DI BANDARAYA KUCHING

OLEH:

ELVY ALFISA BT JAMADI	(2000111856)
DENNY ZULFIKAR B MUHD HUSAINI	(2000544872)
ABDUL RAHMAN B ABDILLAH	(2000317380)

Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan undang-undang untuk memenuhi Diploma Pentadbiran Awam.

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KOTA SAMARAHAN
CAWANGAN SARAWAK**

OKTOBER 2003

Encik Abang Yusof Abang Spawi
Ketua Program Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang
Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan
Jalan Meranek, 93400
Kota Samarahan
SARAWAK.

3 Oktober 2003

Tuan,
Penyerahan Hasil Kajian

Kami dengan sukacitanya menyerahkan hasil kajian kami yang bertajuk “Pengaruh Muzik Di Kalangan Remaja Di Bandaraya Kuching” untuk dianalisa oleh pihak tuan. Kami telah dengan sedaya upaya kami mengumpul segala maklumat yang kami perlukan bagi menyiapkan kajian kami.

Kami berharap hasil kajian kami akan dipertimbangkan untuk dianalisa oleh pihak tuan.

Sekian, terima kasih.



Abdul Rahman Bin Abdillah
2000317380


“DENNY ZULFIKAR”
Denny Zulfikar Bin Muhd. Husaini
2000544872



Elvy Alfisa Binti Jamadi
2000111856

ABSTRAK

Kajian ini menerangkan serta menghuraikan keputusan hasil kajian kami iaitu “Pengaruh Muzik Dikalangan Remaja Di Bandaraya Kuching”. Hipotesis yang diuji di dalam kajian ini ialah salah satu sebab gejala sosial ~~dikalangan~~ remaja adalah disebabkan oleh muzik; remaja rela menghabiskan masa dan wang demi muzik; dan muzik yang didengar oleh remaja adalah pengaruh daripada rakan-rakan. Seramai 200 orang responden mengambil bahagian yang terdiri daripada golongan remaja dan ibubapa. Soal-selidik yang diedarkan adalah untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan analisa data dan kajian. Soal-selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian yang mana setiap soalan mempunyai kaitan antara satu sama lain bagi memudahkan kami membuat analisis secara menyeluruh. Analisis dan pengkajian hipotesis yang dikemukakan dalam kajian ini adalah melalui kaedah statistik mudah iaitu penjadualan digunakan untuk memberi gambaran mengenai kajian kes yang dijalankan. Hasil penemuan kajian ini menunjukkan bahawa gejala sosial ~~dikalangan~~ remaja yang disebabkan oleh muzik dapat diatasi oleh setiap individu dengan mengenalpasti faktor-faktor penyebab dan berusaha meningkatkan kepekaan terhadap kewujudan akta-akta yang mampu mengawal gejala sosial yang berpunca dari muzik.

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

Surat Penyerahan	I
Surat Perakuan	II
Penghargaan	III
Abstrak	V
Senarai Istilah	VI
Jadual Kandungan	VII
Senarai Jadual	IX

Bab 1	Pengenalan	1
1.1	Penyata Masalah	3
1.2	Objektif Kajian	4
1.3	Skop Kajian	5
1.4	Hipotesis Kajian	6
1.5	Andaian Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Batasan Kajian	9
1.8	Rangka Susunan Bab	11
1.9	Jangkaan Penemuan	13
Bab 2	Tinjauan Literature	14
2.1	Pengenalan	14
2.2	Definisi	14
2.3	Muzik dan Remaja	18

BAB 1.0

PENGENALAN

Terdapat pelbagai jenis hiburan pada masa kini, muzik merupakan salah satu daripadanya. Muzik pada masakini telah mengalami perubahan yang drastik, tidak kira dari segi senikata mahupun gubahannya. Muzik yang dahulunya dijadikan sebagai hiburan masa lapang serta salah satu jenis kebudayaan kini telahpun diubah sebagai menjadi media penyampaian maklumat mahupun mesej. Ini boleh kita dapati dengan wujudnya senikata-senikata lagu atau muzik yang disampaikan terselitnya mesej mengenai kehidupan, kasih sayang, peperangan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, muzik mempunyai pengaruh yang besar dari segala aspek. Muzik berupaya mempengaruhi semua peringkat umur kerana muzik mempunyai sifat universal yang tidak hanya menjurus kepada satu bidang atau bahagian sahaja. Ini dapat dibuktikan melalui kajian yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dimana muzik dapat diterima oleh semua pihak, tidak kira apa-apa genre pun. Muzik boleh juga dikatakan berupaya memainkan peranannya dalam kehidupan seharian kerana muzik telah dieksplotasikan dalam pengiklanan, amnya untuk menarik perhatian orang ramai disamping grafik yang menarik.

Ini dapat memberi kesan yang mendalam terhadap setiap individu. Terdapat pelbagai jenis maklumat yang dapat disampaikan melalui muzik. Ada yang mengandungi mesej positif dan tidak kurangnya yang mengandungi mesej negatif. Bagi yang ekstrem